



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
(FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
ARAS 4, MENARA PRISMA
NO. 26, JALAN PERSIARAN PERDANA
PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA

Tel. : 603 - 8885 0797
Faks : 603 - 8885 0769
E-mail : fsq-division@moh.gov.my
<http://fsq.moh.gov.my>



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-7/2/1 Jld.: ()
Tarikh : 22 November 2022

CCI Capital Sdn Bhd
B-3A-12 IOI Boulevard, Jln Kenari 5
Bandar Puchong Jaya
47170 Puchong
Selangor

Puan,

PERMOHONAN SEMAKAN LABEL BAGI PRODUK SAKURA – CAMPURAN MINUMAN BOTANI SAKURA DENGAN KACIP FATIMAH DAN MANJAKANI

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang pihak puan sedia maklum, semua makanan yang hendak diimport atau dijual di negara ini tertakluk kepada pematuhan terhadap Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

3. Merujuk kepada maklumat dan label yang disertakan, Bahagian ini **tiada halangan** ke atas label produk yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pihak puan bertanggungjawab untuk memastikan produk puan mematuhi:

3.1. **Peraturan 356**, Peraturan-Peraturan Makanan 1985;

3.2. Peruntukan lain yang berkaitan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

4. Adalah menjadi tanggungjawab pihak puan untuk memastikan hanya label yang telah dikemukakan sahaja digunakan bagi produk untuk dipasarkan di negara ini. Sebarang tuntutan atau akuan yang tidak dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 tidak boleh terdapat pada label atau iklan produk makanan.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO. SIJIL : AR 5643

5. Adalah ditegaskan bahawa surat ini tidak boleh digunakan sebagai kelulusan atau untuk tujuan pengiklanan produk puan. Surat ini akan **terbatal** sekiranya terdapat apa-apa pengubahsuaian kepada formulasi dan label serta percanggahan maklumat yang dikemukakan semasa permohonan berbanding produk di pasaran.

6. Bagi sebarang pertanyaan, pihak puan boleh berhubung dengan Pn. Nur Liyana Mohamad Nizar di talian 03-8885 0761.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(AHMAD NADZRI BIN SULAIMAN)

b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia